

UCAPAN PERASMIAN
YANG BERUSAHA ENCIK MOHD HIDZIR BIN BAKAR
PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK
DI DALAM
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM ENVIRORUN DAN AEROBATHON
21 OKTOBER 2018 (AHAD)
MYDIN PETRA JAYA

1. Yang Berusaha En. Mohd Hidzir bin Bakar
Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak

2. Yang Berusaha En. Marconi Madai
Group Vice President, HSSE, Sarawak Energy

3. Yang Berusaha En. Tan Swee Kee
Manager Manufacturing Operations, F&N Beverages Manufacturing Sdn. Bhd

4. Yang Berusaha Puan Tracy Wong
Senior Product Manager, CCK Consolidated Holdings Berhad

5. Yang Berusaha En. Sutaghani bin Ahmad Zaidoll
Manager, Mydin Petra Jaya

6. Yang Berusaha Mohamad Axszan bin Bujang
Timbalan Presiden Petra Jaya Running Club

7. Wakil-wakil Ketua Jabatan dan agensi kerajaan

8. Para Media

9. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera..

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran Kehadrat Allah Subhanahuwataala, kerana dengan izin-Nya kita dapat berkumpul di Majlis Perasmian Program Envirorun dan Aerobathon Tahun 2018 pada hari ini.
2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Sarawak Energy selaku rakan kerjasama di dalam penganjuran Program Envirorun dan Aerobathon tahun 2018 ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak F&N Beverages Manufacturing Sdn. Bhd. dan CCK Consolidated Holdings Berhad di atas sumbangan dan sokongan di dalam menjayakan program kesedaran alam sekitar.
3. Terima kasih dan penghargaan saya kepada pihak Mydin Petra Jaya yang sudi menjadi lokasi majlis perasmian program dan tidak dilupakan kepada Petra Jaya Running Club selaku perunding dalam menjayakan program pada hari ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang bertungkus lumus mengadakan majlis ini.
4. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua peserta yang hadir pada hari ini yang dapat menyahut cabaran menyertai program larian dan aerobathon yang dianjurkan. Kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua menunjukkan sokongan dan komitmen di dalam menjayakan dan mempromosikan program kesedaran alam sekitar.

Hadirin sekalian,

5. Pada pagi ini kita semua dapat bersama-sama menjalankan aktiviti riadah menerusi program enviro-run dan aerobathon kerana kita telah diberi kesempatan masa, diberi kesihatan yang baik dan juga kita telah dianugerahkan alam sekitar yang bersih dan baik.
6. Kita tidak mungkin dapat melaksanakan aktiviti luar seperti ini sekiranya keadaan udara kotor, berjerebu ataupun diliputi dengan udara yang toksik dan berbahaya.
7. Untuk makluman, penganjuran program pada hari ini adalah sebagai salah satu medium bagi kempen kesedaran perlindungan alam sekitar dan mengurangkan jejak karbon (*carbon footprint*). Selain itu, Jabatan ini juga dalam usaha untuk memberi kesedaran kepada orang awam mengenai pengurangan penggunaan plastik dan amalan kitar semula bagi memelihara alam sekitar.
8. Isu alam sekitar terkini yang sering dilaporkan di media-media tempatan dan antarabangsa adalah mengenai pencemaran berpunca daripada sisa plastik. Antara sebab pertambahan sisa plastik adalah kerana kebanyakan sisa plastik seperti beg plastik dan pembungkus barangan hanya digunakan sekali sahaja sebelum dilupuskan di tapak pelupusan sampah atau dibuang secara tidak beretika ke alam sekitar yang kemudiannya memasuki sungai terus ke laut dan menyebabkan kerosakan kepada alam sekitar serta hidupan marin.

9. Menyedari tentang keperluan membendung masalah ini secara menyeluruh, Malaysia juga mengikuti 60 buah negara-negara lain yang telah mewujudkan plan dan rangka bagi mengawal penggunaan 'single-use plastics'. Untuk maklumat lanjut mengenai perancangan ini bolehlah merujuk kepada dokumen "Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018 – 2030" yang boleh didapati di laman sesawang Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).

10. Plastik merupakan salah satu ancaman terbesar kepada bumi yang mana pembuangan plastik berbilion ton setiap tahun telah merosakkan alam sekitar dan memberi kesan buruk kepada kesihatan manusia. Selain mempromosikan gaya hidup lestari dalam aspek penjagaan alam sekitar program ini juga memfokuskan perubahan sikap masyarakat mengenai impak penggunaan, pengurangan pencemaran plastik dan amalan kitar semula. Program kita pada hari ini diharap dapat mencapai objektif untuk menerapkan kesedaran alam sekitar kepada masyarakat secara umum.

Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin sekalian,

11. Saya bagi pihak Jabatan Alam Sekitar ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Sarawak Energy berhad di atas kesudian untuk menjalankan kerjasama korporat bersama Jabatan ini.

12. Suka saya menyatakan disini bahawa, pihak Kerajaan amat menggalakkan dan mengalu-alukan penglibatan sektor korporat atau mana-mana pihak untuk mengadakan program bersama dengan pihak Kerajaan bagi meningkatkan kesejahteraan hidup dan pembangunan lestari. Jalinan strategik di dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar antara Kerajaan dengan sektor korporat, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela dan masyarakat umum adalah selaras dengan konsep “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”. Kerajaan tidak mampu melaksanakan secara sendirian dan sentiasa mengharapkan jalinan kerjasama secara holistik daripada semua pihak.
13. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta yang menyertai program larian dan aerobathon pada hari ini. Ucapan syabas dan tahniah juga kepada penganjur terutama urusetia yang telah berusaha keras menggembelng tenaga untuk menjayakan program ini.
14. Semoga komitmen dan kerjasama yang terjalin ini akan berterusan bagi mewujudkan dan memperluaskan kesedaran alam sekitar kepada semua lapisan masyarakat khususnya di Sarawak.
15. Sehubungan itu, sukacitanya saya dengan lafaz “BISMILLAHIR RAHMAN NIRRAHIM” merasmikan Program Environ dan Aerobathon Tahun 2018.

Sekian, terima kasih.